NAMA MURID:

SEKOLAH KEBANGSAAN
SERI KEPAYANG
FAIR PARK, IPOH

Cikgu Linda doakan anak~anak menjadi anak soleh / solehah yang Cemerlang, aamiiin.

Nota Sains Tahun 4 : KEMAHIRAN SAINTIFIK

Mengeksperimen

Mengeksperimen ialah kemahiran merancang dan menjalankan penyiasatan untuk menguji sesuatu hipotesis dengan mengumpul dan mentafsir data bagi membuat kesimpulan daripada penyiasatan tersebut.

Merancang Eksperimen

a) Mengenalpasti masalah dan membuat pernyataan masalah
b) Membuat hipotesis
c) Mengawal pemboleh ubah
d) Menyenaraikan alatan dan bahan
e) Merancang Langkah-Langkah
f) Menguji hipotesis
g) Mengumpul dan mentafsir data
h) Membuat kesimpulan
i) Menulis laporan eksperimen

Menggunakan Perhubungan Ruang dan Masa

Menggunakan perhubungan ruang dan masa ialah kemahiran memerihalkan perubahan sesuatu kejadian atau fenomena berdasarkan perubahan parameter seperti lokasi, arah, bentuk, saiz, isi padu dan berat mengikut urutan masa.

Apakah perubahan yang dapat kamu perhatikan apabila sebatang aiskrim diletakkan di bawah cahaya matahari selama 20 minit?

Mentafsir Data



Carta pai

Tafsiran data

Bilangan murid yang menaiki basikal sama dengan bilangan murid yang berjalan kaki.

Carta palang

Tafsiran data

Jarak yang dilalui oleh kereta mainan A adalah yang paling jauh.

Carta pengelasan

Tafsiran data

Buaya, ikan dan ayam bertelur, manakala gajah, kucing dan serigala melahirkan anak.

Mendefinisi Secara Operasi

Mendefinisi secara operasi ialah kemahiran memberikan definisi tentang sesuatu konsep dengan menyatakan perkara yang dapat dilakukan dan diperhatikan.

Siva dan Teruni ingin menguji keupayaan bahan menyerap air. Mereka merendam tiga tisu yang berbeza ketebalan ke dalam 50 mℓ air selama seminit. Perhatikan situasi di bawah.

Membuat Hipotesis

Membuat hipotesis ialah kemahiran membuat pernyataan umum yang boleh diuji tentang hubungan antara pemboleh ubah dalam sesuatu penyiasatan. Mari ikuti situasi di bawah.

Mei Lan dan Fariz ingin menyiasat sama ada bilangan adukan boleh mengurangkan masa untuk gula melarut dengan sempurna atau tidak.



Mereka berjaya membuat hipotesis dengan mengaitkan hubungan antara pemboleh ubah yang dimanipulasi, iaitu bilangan adukan dengan pemboleh ubah yang bergerak balas, iaitu masa untuk gula melarut sempurna.

Latihan Sains Tahun 4 : KEMAHIRAN SAINTIFIK

A. Pilih jawapan yang betul berkaitan Kemahiran Saintifik :

Namakan kemahiran-kemahiran saintifik yang ditunjukkan dalam rajah di bawah :

Mentafsir data	**Mendefinisi secara operasi**
Mengawal pemboleh ubah	**Membuat hipotesis**
Mengeksperimen	


Dapatan/data:
Bikar | Bilangan adukan | Masa untuk gula melarut sempurna (minit)
A | 1 | 10
B | 3 | 5
C | 6 | 2
Masa untuk gula melarut sempurna bagi bikar A paling lama berbanding dengan bikar yang lain.


Jika saya mengubah bilangan adukan ketika mengaduk, gula dalam gelas manakah yang akan melarut paling cepat?
Tentulah gula yang diaduk paling banyak akan melarut paling cepat.
Air
Gula


Saya pun fikir begitu. **Semakin bertambah bilangan adukan, semakin berkurang masa untuk gula melarut sempurna**.
Itulah yang dinamakan .....